



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI SALAH LAKU PENGENDALIAN ADUAN OLEH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

***UNTUK SIARAN SEGERA
22 MEI 2025***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Selangor yang dikatakan gagal mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas aduan Pengadu berkenaan seorang warga asing yang telah tinggal lebih masa dan tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah di Malaysia.

Siasatan mendapati terdapat ketidakpatuhan pada Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Aduan oleh JIM Negeri Selangor semasa mereka mengendalikan aduan Pengadu sehingga menyebabkan aduan Pengadu tidak dikendalikan dengan sewajarnya.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk syor hukuman terhadap pegawai yang terlibat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) JIM.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.